

TARIKH : 4 FEBRUARI 2020

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

Penularan coronavirus

Kementerian bincang pakej rangsang ekonomi

Kumpul input bagi tangani impak kesan jangkitan: Azmin

Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan akan mengadakan perbincangan dengan beberapa kementerian lain, pihak industri dan syarikat perkhidmatan berkaitan untuk mendapatkan input bagi perancangan pakej rangsangan ekonomi susulan penularan coronavirus.

"Kami amat prihatin dengan penularan coronavirus yang telah memberi kesan kepada ekonomi secara amnya dan sektor pelancongan Malaysia secara khususnya," kata Kementerian itu dalam satu kenyataan seperti dilaporkan BERNAMA, semalam.

Kementerian Kewangan dipertanggungjawabkan oleh Kabinet untuk merancang pakej rangsangan ekonomi bagi menangani impak ekonomi kesan penularan coronavirus yang akan diumumkan pada satu tarikh ditetapkan kelak.

Kementerian lain yang akan terbabit dalam perbincangan bersama itu ialah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pada 2 Februari lalu, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, dilaporkan berkata kerajaan mempertimbangkan pakej rangsangan yang



Orang ramai memakai topeng penutup mulut dan hidung sebagai langkah berjaga-jaga berikutan penularan jangkitan 2019-nCoV sekitar Stesen Sentral, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

bukan sahaja memberi suntikan kepada ekonomi, tetapi juga keutamaan terhadap keperluan yang boleh menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat bagi menghadapi kesan penularan coronavirus.

Bagi 2020, beliau memaklumkan, peruntukan RM227 juta disediakan untuk pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan bagi semua fasiliti kesihatan di seluruh negara.

"Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedia menimbangkan tambahan peruntukan sekiranya diperlukan. Kerajaan akan beri keutamaan terhadap kesihatan dan keselamatan rakyat," kata Mohamed Azmin.



Mohamed Azmin Ali

Beliau menjelaskan, sekiranya penularan coronavirus berlarutan dalam tempoh panjang dan memberi kesan ke atas ekonomi China, ekonomi Malaysia juga akan terjejas kerana China an-

tara rakan dagangan terpenting negara.

Antara sektor dijangka menerima kesan adalah pelancongan, penerbangan, pengangkutan, pendidikan, pembuatan dan pembinaan.

Tahun lalu, Malaysia menerima hampir 26 juta pelancong termasuk lebih tiga juta dari China. Sektor pelancongan menyumbang 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) negara.

Sektor pembuatan dan pembinaan yang bergantung kepada input dari China juga dijangka terkesan sekiranya China memanjangkan tempoh kuarantin atau menambah bandar yang akan ditutup bagi menyekat penyebaran wabak di republik itu.

